

## **PERCANTUMAN PERKHIDMATAN LEPAS BAGI BEKAS ANGGOTA TENTERA [PP 4/2003]**

Percantuman perkhidmatan lepas ialah proses mengagregatkan tempoh perkhidmatan sekarang dengan tempoh perkhidmatan dahulu di Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi membolehkan keseluruhan tempoh perkhidmatan tersebut dimasukira untuk tujuan pengiraan faedah di bawah undang-undang pencen.

Pegawai perlu mengemukakan permohonan percantuman perkhidmatan lepas kepada Pendaftar melalui Ketua Jabatan semasa pegawai masih lagi dalam perkhidmatan, iaitu selewat-lewatnya dua (2) tahun sebelum tarikh persaraan.

Permohonan tersebut akan diuruskan oleh BSM dan akan dipanjangkan kepada JPA untuk tujuan kelulusan percantuman. Pegawai juga perlu membuat pembayaran balik kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) setelah kelulusan diberi.